

# InfoINDUSTRI

Isu 04 | 15 Julai 2012



## Hari Pelanggan 2012

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU) baru-baru ini telah mengadakan Hari Pelanggan bermula pada 5 hingga 7 Julai 2012 di Dewan Setia Pahlawan, Kementerian itu. Majlis yang turut dihadiri oleh Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan kakitangan KPSSU itu telah dilancarkan oleh Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar.

Hari Pelanggan tahun ini bertujuan untuk menyebarkan perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan oleh KPSSU dan jabatan-jabatan di bawahnya kepada orang ramai. Gerai-gerai dan pameran diadakan sepanjang sambutan itu, terutamanya yang mempamerkan produk-

produk industri tradisional Brunei (seni tenunan dan pembuatan songkok). Sesi dialog bertajuk 'Strategic Thrust - The Way Forward MIPR' telah disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Industri dan Keusahawanan), Yang Mulia Awg Mohd Riza bin Dato Paduka Hj Mohd Yunos.

Pada sebelah petang pula, satu kertas kerja bertajuk 'Menjana Ke Arah Keselamatan Makanan Negara' telah disampaikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pembangunan Sumber-Sumber Utama), Yang Mulia Dyg Hjh Hasnah bte Ibrahim, manakala Yang Mulia Awg Mohd Riza bin Dato Paduka Hj Mohd Yunos, Timbalan Setiausaha Tetap telah menyampaikan kertas kerja bertajuk 'Pembangunan Industri dan Pembangunan Sosio-Ekonomi'.  
*... bersambung ke muka surat 2*

Hari Pelanggan 2012

Galakan Kepada Koperasi

Ke Arah Pelaksanaan GAP

Seminar AWGATE

KPSSU berharap majlis seperti itu, yang merangkumi sesi dialog dan forum, lawatan, pameran dan konsultasi akan dapat mempertingkatkan imej Kementerian di kalangan pelanggannya dan masyarakat umum.





## Hari Pelanggan 2012

dari muka surat 1 ...

Acara pada hari kedua dimulakan dengan sesi senamrobik dan berjalan pantas yang dibukakan penyertaannya kepada orang ramai. Selain itu, sesi khidmat nasihat mengenai penjagaan tanam-tanaman, binatang ternakan, ikan dan binatang peliharaan telah berlangsung di ruang legar bangunan Kementerian tersebut.

Acara hari ketiga diteruskan dengan lawatan-lawatan ke lokasi-lokasi perindustrian dan yang berkaitan dengan sektor perikanan seperti Pusat Biodiversiti Marin di Meragang serta syarikat-syarikat perniagaan tempatan.

KPSSU berharap majlis seperti itu, yang merangkumi sesi dialog dan forum, lawatan, pameran dan konsultasi akan dapat mempertingkatkan imej Kementerian di kalangan pelanggannya dan masyarakat umum.



“ Ke arah membantu Kementerian ini untuk mencapai sasaran berkenaan (pengeluaran kasar B\$4.5 billion pada tahun 2023), satu *Strategic Planning Framework* 2012-2017 telah dihasilkan. Di antara perkara penting yang perlu ditekankan ialah 8 penekanan strategik yang dikumpulkan kepada 4 kluster iaitu sekuriti makanan; sosio-ekonomi; kepelbagaian ekonomi; dan perusahaan kecil dan sederhana. Melalui pendekatan secara kelompok ini bukan saja akan dapat meningkatkan produktiviti dan efisiensi, malah akan dapat memberikan kesan sinergi dan menggalakkan setiakawan dalam kerja harian. ”

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama  
Dato Seri Setia Awg Hj Yahya,  
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

## Galakan Kepada Koperasi

Seramai 300 pengusaha telah menghadiri Seminar Koperasi yang bertema 'Ke Arah Dimensi Baru Dalam Pergerakan Koperasi' yang diadakan pada 12 Julai 2012 di Dewan Setia Pahlawan, KPSSU. Hadir sebagai tetamu kehormat ialah Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Setia Awg Hj Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Hj Bakar.

Seminar tersebut yang menjadi sebahagian daripada acara sepanjang tahun yang dirancang oleh Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) bagi sambutan Tahun Koperasi Antarabangsa 2012, adalah salah satu daripada sembilan strategi yang digariskan oleh BINA dalam Rancangan Strategik Lima Tahun (2010-2015).

Seminar itu, yang selaras dengan usaha berterusan BINA untuk menyokong pembangunan sosio-ekonomi badan koperasi, dihasratkan sebagai pemangkin kepada pembangunan koperasi dengan menyediakan peluang kepada koperasi untuk meneroka peluang perniagaan melalui rakan kongsi perniagaan. Lima perniagaan koperasi yang berjaya di Negara Brunei Darussalam, tiga wakil

agensi Kerajaan Negara Brunei Darussalam dan sebuah syarikat pembekal burung walit terbesar dari Negara Malaysia telah menyampaikan kertas kerja di seminar berkenaan.

KPSSU melalui BINA akan berusaha untuk memastikan perkembangan gerakan koperasi di Negara ini akan terus berkembang maju sebagai pertubuhan yang berkualiti dan sebagai sektor ketiga dalam menjana pertumbuhan ekonomi Negara. Untuk mendokong hasrat tersebut, KPSSU adalah dalam proses pemindaan Akta Koperasi untuk:

- Membolehkan bagi penubuhan koperasi peringkat menengah' (secondary co-operatives).
- Membolehkan penubuhan 'apex body' (tertiary cooperatives) berstatus 'non-government organisation' bagi Negara Brunei Darussalam untuk menjadi ahli kepada 'International Cooperative Alliance' (ICA).

Untuk memastikan perkembangan gerakan koperasi dapat ditumpukan sepenuhnya, KPSSU telah menubuhkan sebuah pusat yang digelar Pusat Pembangunan Koperasi.



“ Gerakan koperasi memainkan peranan yang signifikan bagi mewujudkan masyarakat yang mampan, bersatu padu dan bekerjasama dalam membangun sosio-ekonomi dan budaya. ”

Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama  
Dato Seri Setia Awg Hj Yahya,  
Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama

## Ke Arah Pelaksanaan GAP

Jabatan Perikanan, KPSSU telah menganjurkan 'Bengkel Amalan Akuakultur Yang Baik' bagi industri akuakultur udang, di ibu negara selama dua hari yang bermula pada 2 hingga 3 Julai 2012. Sijil-sijil kepada peserta-peserta bengkel telah disampaikan oleh Setiausaha Tetap KPSSU, Yang Mulia Dyg Hj Normah Suria Hayati bte Pehin Jawatan Dalam Seri Maharaja Dato Seri Setia (Dr) Awg Hj Mohd Jamil Al-Sufri. Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Perikanan, Yang Mulia Awg Abdul Halidi bin Mohd Salleh, pegawai-pegawai kanan dan kakitangan Jabatan Perikanan.

Seramai 120 orang peserta termasuk pengusaha ternakan udang dan pelajar dari Sekolah Vokasional Wasan telah menghadiri bengkel berkenaan. Penceramah undangan yang merupakan seorang pakar dari Jabatan Perikanan, Malaysia, Dr Bah Piyan Tan telah menyampaikan ceramah

mengenai amalan akuakultur yang baik dalam industri perikanan.

Objektif bengkel itu ialah untuk:

- Mewujudkan kesedaran dan memberi pengetahuan kepada pengusaha ternakan udang mengenai kepentingan menghasilkan produk yang berkualiti, selamat dan sesuai dimakan tanpa menjejaskan alam sekitar;
- Mewujudkan kesedaran dan memberi pengetahuan kepada pengusaha-pengusaha bahawa kualiti produk yang baik akan memperoleh pasaran yang lebih baik dan meluas;
- Untuk menyediakan manual garis panduan bagi Amalan Akuakultur Yang Baik bagi pemeliharaan udang, iaitu garis panduan bagi operasi penyelenggaraan.



“Seminar ini boleh menjadi platform untuk mengembangkan lagi industri minuman supaya mempunyai wawasan sendiri dalam menghasilkan produk-produk makanan yang berkualiti, selamat, dengan nilai tambah dan berorientasikan eksport serta berdayasaing dengan produk antarabangsa.”

Yang Mulia Dyg Hj Normah bte Ibrahim, Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU

## Seminar AWGATE

Seminar Serantau "Kumpulan Kerja Latihan dan Pengembangan Pertanian ASEAN (AWGATE) bagi Food Processing Technology – Drink and Beverages" telah diadakan pada 3-4 Julai 2012, di Hotel Centrepoint, Gadong. Pembukaan seminar dua hari itu telah dirasmikan oleh Timbalan Setiausaha Tetap KPSSU, Yang Mulia Dyg Hj Hasnah bte Ibrahim, yang mewakili Setiausaha Tetap.

Dianjurkan oleh Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, KPSSU, seminar ini bertujuan untuk menyediakan pemindahan teknologi melalui kuliah-kuliah dan perbincangan berkumpulan kepada sejumlah 55 orang peserta terdiri daripada pengusaha kecil dan sederhana (PKS) tempatan, Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan peserta serantau daripada negara-negara ASEAN. Seminar ini juga dihadiri oleh pegawai-pegawai daripada Jabatan Pertanian dan Agrimakanan.

Peserta seminar telah diberi taklimat mengenai teknologi pengeluaran jus berasaskan pertanian dan minuman termasuk pengendalian bahan mentah; pengeringan dan pengetinan; pembungkusan, pengendalian, penyimpanan, pengangkutan dan pengedaran produk siap; kebersihan dan sanitasi; aditif makanan dan pengawalan kualiti produk jus dan minuman. Topik-topik seperti: Teknologi Pemprosesan Pulpa; Penjernihan, Penstabilan dan Pengawetan Minuman; Teknologi Pemprosesan Serbuk Teh Herba; Perundangan Makanan di Negara Brunei Darussalam; Sistem Pembungkusan dan Pelabelan Minuman; dan Penyimpanan dan Sistem Pengurusan Rangkaian Pembekalan telah disampaikan oleh penceramah pakar yang berpengalaman dari New Zealand, Filipina dan dua orang penceramah tempatan.

Pada hari kedua, sesi rumusan dan majlis penutup disertai dengan penyampaian sijil penyertaan oleh Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Yang Mulia Dyg Hj Aidah bte Hj Mohd Hanifah telah diadakan.



# Diari KPSSU

**JUL 4** Sumbangan CABI



Satu seminar bertajuk 'Maklumat Sumber Saintifik Pertanian' telah diadakan pada 4 Julai 2012 di Pusat Perniagaan Hortikultur, Rimba Gadong. Seminar tersebut telah dihadiri oleh pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Jabatan Perikanan, Jabatan Perhutanan dan Kementerian Kesihatan.

Seminar tersebut telah dikendalikan oleh Yang Mulia Dyg Lina Yip, Pengurus Jualan Serantau bagi Asia CABI. CABI adalah sebuah pertubuhan maklumat dan pembangunan berasaskan saintifik antarabangsa, yang bukan bermotifkan keuntungan, bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakyat dengan menyediakan maklumat dan menggunakan kepakaran saintifik untuk menangani masalah pertanian dan alam sekitar. Seminar tersebut yang merupakan sebahagian daripada sumbangan CABI untuk empat projeknya yang dibiayai kerajaan Negara Brunei Darussalam, bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap hasil-hasil kajian CABI yang berkualiti tinggi, buku-buku teks lanjutan, ensiklopedia, buku panduan praktikal dan karya-karya rujukan, kepada ahli-ahli sains dan profesional dalam bidang pertanian untuk digunakan dalam kerja penyelidikan dan analisis mereka.

**JUL 7** Air Pasang Merah



Untuk memaklumkan kepada orang ramai mengenai kejadian air pasang merah di Negara Brunei Darussalam baru-baru ini, Jabatan Perikanan, KPSSU telah mengeluarkan kenyataan berikut pada 7 Julai 2012:

Hasil pemantauan, pengambilan dan analisis contoh-contoh air yang dibuat oleh Jabatan Perikanan telah mendapati tidak ada kandungan organisma air kemerah-merahan di semua kawasan perairan negara ini.

Sehubungan dengan itu, Jabatan Perikanan dengan ini mengisytiharkan semua kawasan perairan Negara Brunei Darussalam adalah bebas daripada pencemaran air kemerah-merahan dan juga selamat untuk aktiviti-aktiviti memancing, berenang dan menyelam. Sebagai langkah berjaga-jaga orang ramai adalah dinasihatkan untuk membuang semua insang, perut dan organ-organ dalaman ikan-ikan seperti rumah, temanong, tamban, aur-faur dan sebagainya yang tidak diketahui asalnya, sebelum dimasak.

Bagi sebarang kemuskilan atau keterangan lanjut, orang ramai bolehlah menghubungi talian-talian berikut: 2770066/2771344 (waktu pejabat), 8717153, 8715005, 8878833 dan 8266146.

**JUL 9** Kunjungan Hormat



Yang Berhormat Tuan Jorg Reding, Duta Switzerland semasa kunjungan hormat kepada Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

**JUL 9** Ke Arah Tenaga Kerja yang Bermotivasi



Satu seminar yang bertajuk "Seminar Motivasi - Peningkatan Prestasi Kerja Diri" untuk pegawai dan kakitangan Jabatan Pertanian dan Agrimakanan telah diadakan pada 9 Julai 2012 di Dewan Simpur, Pusat Perniagaan Hortikultur Rimba, Gadong. Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Pertanian dan Agrimakanan, Yang Mulia Dyg Hj Aidah bte Hj Mohd Hanifah.

Seminar itu, yang disampaikan oleh Yang Mulia Cikgu Awg Ali Yusri bin Hj Ghafor, Pemangku Ketua Bahagian Kaunseling dan Kerjaya, Kementerian Pendidikan, antara lain bertujuan untuk memperbaiki prestasi kerja dalam perkhidmatan awam, dengan memupuk kakitangan yang proaktif, pelbagai berdisiplin dan berkesan - yang menunjukkan semangat berpasukan dan sukakan cabaran.